

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10/12/2010

Buang tanggapan 'beli kerajaan' dapat tender

UM 10/12/2010

PUTRAJAYA 9 Dis. – Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan masyarakat peniaga supaya membuang tanggapan mereka boleh 'membeli' kerajaan untuk mendapatkan kontrak, tender atau konsesi sesuatu projek.

Tegas Perdana Menteri, sebaliknya mereka perlu yakin bahawa tawaran yang dikemukakan itu adalah yang terbaik sekali gus berpeluang untuk mendapatkan apa yang

ditawarkan oleh kerajaan.

Beliau percaya jika tanggapan yang lazim itu masih wujud dalam pemikiran peniaga, maka usaha kerajaan untuk memerangi rasuah dalam urusan perniagaan pasti menghadapi halangan.

"Saya harap tidak akan ada lagi amalan bahawa untuk berjaya mendapatkan kontrak atau konsesi, mereka perlu melakukan amalan rasuah kepada pihak-pihak berkenaan.

"Ini kerana kalau ada tanggapan sedemikian, maka amat sukarlah untuk kerajaan mencegah rasuah terutama dalam urusan perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Menandatangani Ikrar Memerangi Rasuah Oleh Masyarakat Peniaga di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia (SPRM), Datuk Seri Abu Kassim Mohamed.

Sebanyak lima ahli gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) hadir menandatangani ikrar itu di hadapan Perdana Menteri.

Lima prinsip ikrar yang dibuat oleh masyarakat peniaga tersebut adalah:

● Komited untuk meningkatkan nilai-nilai integriti, telus dan mem-

promosikan tadbir urus yang baik.

● Menguatkan sistem dalaman yang menyokong amalan-amalan tadbir urus yang baik.

● Mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan usaha memerangi rasuah.

● Memerangi segala bentuk rasuah.

● Menyokong inisiatif pencegahan rasuah oleh kerajaan dan SPRM.